



Tarikh: 2 Julai 2020

Profesor Dr. Rozman Hj. Din
Dekan
Institut Pengajian Siswazah

Tuan

PEMATUHAN PROSEDUR BERKAITAN PROJEK PENYELIDIKAN YANG MELIBATKAN SUBJEK MANUSIA BAGI PELAJAR PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DAN MEMASUKKAN ELEMEN ETIKA PENYELIDIKAN (MANUSIA DAN HAIWAN) DALAM KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Pihak Universiti telah mengambil keputusan bahawa setiap projek penyelidikan yang melibatkan subjek manusia, spesimen dari manusia atau data yang diambil dari manusia bagi semua kajian yang dijalankan oleh pelajar pengajian siswazah **diwajibkan untuk mendapatkan kelulusan etika dari Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia, USM (JEPeM, USM) sebelum proses pengumpulan data bermula.** Kerjasama pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS) dipohon untuk membuat hebahan kepada semua pelajar pengajian siswazah di USM agar mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Universiti seperti yang dinyatakan dalam infografik di lampiran. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui pautan <https://ejepem.usm.my/>.
3. Selain itu, saya juga difahamkan bahawa pihak IPS sedang dalam proses menyediakan peraturan baharu bagi mewajibkan pelajar pengajian siswazah mod penyelidikan yang mendaftar pada semester akan datang untuk mengambil kursus metodologi penyelidikan (research methodology) sebagai salah satu syarat pengijazahan. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk **memasukkan elemen etika penyelidikan (manusia dan haiwan) dalam silibus kursus yang bakal dibangunkan kelak.**

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESOR DR. FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN)
Naib Canselor

**PEMATUHAN PROSEDUR BERKAITAN PROJEK PENYELIDIKAN YANG MELIBATKAN
SUBJEK MANUSIA BAGI PELAJAR PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI SAINS
MALAYSIA DAN MEMASUKKAN ELEMEN ETIKA PENYELIDIKAN (MANUSIAN DAN
HAIWAN) DALAM KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN**

s.k. Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi

Pengarah, Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO)

Pengerusi, Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia USM (JEPeM)

Pengerusi, Jawatankuasa Penjagaan dan Penggunaan Haiwan (JKKPH)

FRMA/ktl